

PERTEMBUGAN METODOLOGI MEMAHAMI ‘ILLAH DALAM SAHIH MUSLIM MENURUT RABI‘ AL-MADKHALI DAN HAMZAH AL-MALYABARI

Methodological Contestation in Understanding ‘Illah within *Sahih Muslim*
according to Rabi‘ al-Madkhali and Hamzah al-Malyabari

Ibrahim Adham Mohd Rokhibi^{*1} & Mohd Farhan Md Ariffin²

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

² Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia [ORCID ID [0000-0003-4156-5756](https://orcid.org/0000-0003-4156-5756)]

*Corresponding author: p125738@siswa.ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2026-1101-01>

Article history

Received: 13/03/2026

Revised: 27/04/2026

Accepted: 20/05/2026

Published: 30/06/2026

Abstrak

Perbahasan mengenai *‘ilal al-hadis* merupakan medan paling rumit dalam disiplin ilmu hadis kerana melibatkan kecacatan tersembunyi. Dalam wacana kontemporari, isu ini kembali diperdebatkan oleh Rabi‘ bin Hadi al-Madkhali dan Hamzah ‘Abd Allah al-Malyabari, khususnya berhubung metodologi Imam Muslim dalam *Sahih Muslim* dan konsep *‘illah*. Meskipun kajian terdahulu banyak membincangkan perbezaan umum manhaj *mutaqaddimin* dan *muta’akbhirin*, analisis kritis yang membandingkan epistemologi kedua-dua tokoh spesifik ini masih belum diterokai secara mendalam. Kajian ini bertujuan menganalisis konsep teori *‘illah* menurut kedua-dua tokoh, meneliti latar pembentukan pemikiran mereka, serta menghuraikan kontestasi paradigma kritik hadis yang tercermin dalam pertembungan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis tekstual dan perbandingan, dengan menumpukan kepada karya-karya utama kedua-dua tokoh serta tulisan-tulisan yang membahaskan pemikiran mereka. Hasil kajian mendapati Rabi‘ al-Madkhali cenderung kepada pendekatan *muta’akbhirin* yang membahagikan *‘illah* kepada *qadibah* dan *ghayr qadibah*, serta menilai riwayat yang dikritik dalam *Sahih Muslim* sebagai sahih dalam kedudukan *mutaba‘ah* atau *shawahid*. Sebaliknya, Hamzah al-Malyabari menegaskan semua *‘illah* bersifat *qadibah* dan cuba mengangkat metodologi penerangan *‘illah* Imam Muslim menerusi susunan riwayat beliau. Kajian merumuskan bahawa perbezaan ini mencerminkan pertentangan epistemologi mendalam antara paradigma salafiyah kontemporari dengan aliran *Ihya’ Manhaj al-Mutaqaddimin*. Perdebatan ini memperlihatkan keperluan terhadap pendekatan integratif yang menggabungkan ketelitian teori dan kehalusan praktik pengkritik (*nuqqad*) hadis.

Kata Kunci: Hamzah al-Malyabari, *‘Ilal al-Hadith*, Kritik Hadith, Rabi‘ al-Madkhali, *Sahih Muslim*

Abstract

The debate on *'ilal al-hadith* represents the most complex domain within the discipline of hadith studies, as it involves hidden defects. In contemporary discourse, this issue has resurfaced through the debate between Rabi' bin Hadi al-Madkhali and Hamzah 'Abd Allah al-Malyabari, particularly regarding Imam Muslim's methodology in *Sahih Muslim* and the concept of *'illah*. Although previous studies have extensively discussed the general differences between the *mutaqaddimin* and *muta'akbhirin* methodologies, a critical analysis comparing the epistemology of these two specific contemporary scholars remains under-explored. This study aims to analyze the theoretical concept of *'illah* according to both scholars, examine the background of their intellectual formation, and elucidate the contestation of hadith criticism paradigms reflected in their clash. This qualitative study employs textual and comparative analysis, focusing on the primary works of both scholars and writings discussing their thought. The findings indicate that Rabi' al-Madkhali tends to adopt the framework of the *muta'akbhirin*, which divides *'illah* into *qadhibah* and *ghayr qadhibah*, and evaluates the criticized narrations in *Sahih Muslim* as authentic (*sahih*) within the capacity of *mutaba'ah* or *shawabid*. Conversely, Hamzah al-Malyabari asserts that all *'illah* are inherently *qadhibah* and attempts to highlight Imam Muslim's methodology in explaining *'illah* through the structural arrangement of his narrations. The study concludes that this divergence reflects a deep epistemological tension between the contemporary Salafi paradigm and the *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin* movement in understanding the legacy of hadith criticism. This debate highlights the need to develop an integrative approach that combines theoretical rigor with the practical subtlety of hadith critics.

Keywords: Hamzah al-Malyabari, *'Ilal al-Hadith*, Hadith Criticism, Rabi' al-Madkhali, *Sahih Muslim*

PENGENALAN

Ilmu hadith merupakan antara disiplin paling penting dalam tradisi intelektual Islam kerana melaluinya ucapan, tindakan dan pengakuan Nabi Muhammad SAW dapat dipastikan secara sah. Dalam kerangka ilmu ini, salah satu cabang yang paling halus dan mencabar ialah perbahasan tentang *'ilal al-hadith* iaitu kecacatan tersembunyi yang boleh menjejaskan kesahihan sesuatu riwayat walaupun sanadnya tampak sahih pada zahir. Oleh sebab itu, para ulama hadith meletakkan penguasaan terhadap *'ilal* sebagai salah satu puncak tertinggi dalam disiplin *naqd al-riwayah*.

Kesukaran perbahasan *'illah* berpunca daripada sifatnya yang tidak sentiasa dapat dikesan melalui penilaian luaran sanad sahaja. Ada kalanya sesuatu sanad tampak bersambung, para perawinya *thiqah*, dan lafaznya tidak menunjukkan sebarang keganjilan, namun setelah dibandingkan dengan jalur-jalur lain, diteliti kebiasaan periwayatan seseorang perawi, atau *qarā'in* tertentu, didapati kesalahan yang menuntut penilaian semula terhadap hadith tersebut. Justeru, ulama seperti al-Bukhari, Muslim, Ibn al-Madini, Abu Hatim, al-Daraqutni dan lain-lain diiktiraf sebagai tokoh besar kerana keupayaan mereka mengesan bentuk-bentuk kecacatan halus ini.

Dalam wacana hadith semasa, perbahasan tentang *'illah* kembali mendapat perhatian yang besar apabila muncul kecenderungan untuk menilai semula hubungan antara metodologi ulama *mutaqaddimin* dengan ulama *muta'akbhirin*. Sebahagian sarjana berpendapat bahawa teori-teori ilmu *mustalah* yang dikembangkan ulama *muta'akbhirin* telah berjaya menyusun dan memudahkan kefahaman terhadap ilmu hadith. Namun, sebahagian lain menilai bahawa ilmu *mustalah* yang telah disistemkan tersebut, meskipun berguna dari sudut pedagogi, tidak semestinya menggambarkan secara tepat praktik sebenar *nuqqad* generasi awal. Dari sinilah lahir gerakan yang kemudiannya dikenal sebagai *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin* iaitu usaha untuk menghidupkan semula pendekatan para *nuqqad* klasik dalam penilaian sanad dan matan, khususnya bagi karya hadith bersanad seperti *Sahih Muslim*.

Dalam konteks ini, dua tokoh yang sering menjadi rujukan ialah Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari. Kedua-duanya sama-sama bergerak dalam wacana hadith, namun membawa pendekatan yang berbeza terhadap konsep *'illah*, metodologi pentashihan hadith, dan khususnya cara membaca *Sahih Muslim*. Pertembungan mereka tidak hanya bersifat peribadi atau polemik, tetapi mencerminkan perselisihan metodologi yang lebih luas dalam kajian hadith kontemporari. Asas kepada kajian ini adalah bersandarkan kepada teori Imam Muslim (t.th) dalam mukadimahnyanya yang menyebutkan bahawa jika terdapat keperluan untuk menerangkan *'illah* pada sesuatu hadith, maka beliau akan menjelaskannya pada tempat tersebut dengan terperinci (Muslim, t.th).

Berdasarkan latar tersebut, artikel ini bertujuan menghuraikan konsep teori *'illah* menurut kedua-dua tokoh, menganalisis biografi intelektual mereka yang membentuk orientasi pemikiran masing-masing, serta meneliti implikasi perdebatan ini terhadap pemahaman metodologi Imam Muslim dan kajian *'ilal al-hadith* secara keseluruhannya. Dengan demikian, kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada perbincangan tokoh, tetapi juga kepada diskusi epistemologi dalam pengajian hadith semasa.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis tekstual dan perbandingan. Data utama diperoleh daripada bahan-bahan yang berkaitan secara langsung dengan biografi, karya, dan pandangan Rabi' al-Madkhali serta Hamzah al-Malyabari, khususnya dalam perbincangan mengenai metodologi Imam Muslim dan konsep *'ilal al-hadith*. Selain itu, penelitian turut melibatkan tulisan-tulisan sokongan yang membincangkan latar aliran *salafiyah* dan *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin*.

Kaedah analisis dilakukan dalam tiga tahap. Pertama, data biografi dan intelektual kedua-dua tokoh disusun untuk mengenal pasti faktor pembentukan pemikiran masing-masing. Kedua, pandangan mereka tentang konsep *'illah* dan metodologi *Sahih Muslim* dianalisis secara tematik. Tema yang dibentuk ialah *'illah* dalam sanad iaitu dengan memfokuskan kepada jalur periwayatan Maymunah RA dan Ibn 'Umar RA. Ketiga, satu analisis perbandingan dilakukan bagi meneliti persamaan, perbezaan dan titik ketegangan epistemologi antara kedua-duanya. Analisis perbandingan dikhususkan kepada perbincangan *'illah* dalam periwayatan di bawah tajuk kelebihan solat di dua masjid iaitu Masjidilharam dan Masjid Nabawi yang terdapat dalam *Sahih Muslim*. Pendekatan ini membolehkan artikel ini bergerak bukan sekadar pada tahap deskriptif, tetapi juga kritikal dan interpretatif.

DAPATAN KAJIAN

Wacana Kritik Hadith Kontemporari

Dalam perkembangan wacana hadith kontemporari, wujud beberapa kecenderungan besar dalam memahami metodologi kritik hadith. Secara umum, perbezaan ini bukan hanya berkisar pada penilaian terhadap sesuatu hadith secara khusus, tetapi lebih mendalam, iaitu pada persoalan bagaimana kaedah menilai hadith itu sendiri perlu dibina, diwarisi dan diaplikasikan pada zaman kini.

Salah satu kecenderungan paling dominan ialah aliran *salafiyah*, yang menegaskan keperluan kembali kepada al-Quran, Sunnah dan kefahaman *al-salaf al-salih*. Dalam kerangka hadith, aliran ini menekankan kepentingan memastikan kesahihan riwayat secara ketat, menolak penggunaan hadith *da'if* dalam kebanyakan situasi, serta mempertahankan autoriti hadith sahih dalam isu akidah, hukum dan ibadah (Umar, 2020). Kekuatan aliran ini ialah pada kejelasan

prinsip, ketegasan terhadap autoriti nas, dan kesungguhan menghidupkan semula perhatian terhadap sanad dan *takhrīj* dalam pengajian Islam.

Namun demikian, dalam ruang kritik hadith yang lebih teknikal, muncul gerakan yang menganggap bahawa banyak pendekatan moden terlalu bergantung pada teori *mustalah hadith* yang dibakukan ulama *muta'akkibin*. Menurut gerakan ini, fokus yang berlebihan kepada syarat-syarat formal hadith sahih telah menyebabkan praktik sebenar *nuqqad muta'addimin* tidak lagi difahami dalam nuansa asalnya. Daripada kecenderungan inilah muncul gagasan *Ihya' Manhaj al-Muta'addimin*, yakni usaha mengembalikan perhatian kepada metodologi para imam hadith terdahulu yang menilai riwayat bukan sekadar berdasarkan formula, tetapi melalui pembacaan mendalam terhadap keseluruhan jaringan sanad, matan, *qara'in* dan kebiasaan periwayatan.

Pertentangan antara kedua-dua kecenderungan ini menjadi semakin ketara apabila isu *Sahih Muslim* dan konsep '*illah*' dibahasakan. Dalam beberapa kes, persoalannya bukan lagi sama ada satu hadith itu sahih atau *da'if* semata-mata, tetapi sama ada struktur karya seperti *Sahih Muslim* harus dibaca secara lurus sebagai himpunan riwayat *maqbul* keseluruhannya, atau secara lebih berlapis sebagai teks yang juga mengandungi isyarat kepada kecacatan dan hierarki kekuatan riwayat. Di sinilah letaknya signifikan pertembungan antara Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari.

Biografi Rabi' al-Madkhali dan Pembentukan Pemikirannya

Rabi' bin Hadi bin Muhammad 'Umayr al-Madkhali dilahirkan pada penghujung tahun 1351H/1933M di perkampungan al-Jaradiyyah yang terletak berhampiran Samitah di wilayah Jazan, selatan Arab Saudi. Beliau berasal daripada kabilah *al-Madakhilah*, sebuah suku yang dikenali di wilayah tersebut (al-Zafiri, 2013). Kehidupan awal beliau diwarnai oleh ujian apabila bapanya meninggal dunia ketika beliau masih kecil, lalu beliau dibesarkan oleh ibunya dengan pengawasan ahli keluarga yang lain. Latar ini penting kerana sumber-sumber biografinya sering menonjolkan unsur didikan awal yang menanamkan akhlak, kesederhanaan dan kecenderungan kuat terhadap agama (al-Qahiri, 2008).

Dari segi pendidikan, Rabi' al-Madkhali memulakan pengajian secara formal pada usia yang masih muda di peringkat kampung. Beliau mempelajari asas membaca, menulis, al-Quran dan beberapa ilmu asas agama. Kemudian beliau melanjutkan pengajian di Madrasah al-Salafiyyah di Samitah, sebuah institusi yang mempunyai pengaruh besar dalam pembinaan identiti keilmuan beliau. Di sana beliau mempelajari al-Quran, tauhid, tajwid dan ilmu-ilmu alat daripada beberapa guru tempatan, sebelum memasuki Ma'had al-'Ilmi di Samitah (al-Zafiri, 2013).

Sepanjang pengajian di maahad tersebut, beliau berguru dengan ramai tokoh, antaranya Hafiz bin Ahmad al-Hakami, Muhammad bin Ahmad al-Hakami, Ahmad bin Yahya al-Najmi dan Muhammad Aman al-Jami. Beliau juga menekuni fiqh, bahasa Arab, balaghah dan beberapa disiplin lain. Pembentukan ini memperlihatkan bahawa keilmuannya bukan terbina dalam satu disiplin sahaja, tetapi merangkumi spektrum pengajian Islam yang luas (al-Zafiri, 2013).

Pada tahun 1381H, beliau melanjutkan pengajian di Kuliyyah al-Shari'ah sebelum berpindah ke Madinah dan mendaftar di Universiti Islam Madinah. Di universiti inilah beliau mendapat pendedahan lebih besar kepada tokoh-tokoh yang kemudiannya sangat mempengaruhi orientasi pemikirannya (al-Qahiri, 2008). Antara yang paling menonjol ialah 'Abd al-'Aziz bin Baz, Muhammad Nasir al-Din al-Albani, 'Abd al-Muhsin al-'Abbad dan Muhammad al-Amin al-Shanqiti. Daripada Ibn Baz beliau banyak mengambil aspek akidah dan manhaj, manakala daripada al-Albani beliau banyak menyerap semangat kritik hadith, perhatian terhadap sanad, serta kepentingan pentashihan dan *tad'if* berdasarkan penelitian ilmiah (al-Qahiri, 2008).

Selepas menamatkan pengajian sarjana muda, Rabi' al-Madkhali meneruskan pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah. Disertasi sarjananya berjudul "*Bayna al-Imamayn Muslim wa al-Daraqutni*", suatu kajian yang sangat penting kerana memperlihatkan minat awal beliau terhadap metodologi Imam Muslim dan respons terhadap kritikan al-Daraqutni. Pada peringkat kedoktoran pula beliau menyiapkan *tahqiq* terhadap karya Ibn Hajar al-'Asqalani, *al-Nukat 'ala*

Kitab Ibn al-Salah (Abu Abd Allah, 2011). Kedua-dua kajian ini memperlihatkan bahawa beliau bukan sekadar tokoh kontroversi, tetapi mempunyai asas akademik yang kuat dalam disiplin hadith.

Setelah kembali ke Universiti Islam Madinah, beliau berkhidmat sebagai pensyarah, kemudian menjadi profesor dan mengetuai jabatan yang berkaitan dengan Sunnah. Dalam masa yang sama, beliau aktif menghasilkan penulisan, kebanyakannya bersifat defensif dan kritis terhadap lawan-lawan ideologi yang dilihat menyimpang daripada manhaj *salafi*. Hal ini menjadikan beliau bukan sahaja sebagai sarjana hadith, tetapi juga tokoh gerakan yang mempunyai pengaruh luas dalam lingkungan *salafiyah* global.

Biografi Hamzah al-Malyabari dan Pembentukan Pemikirannya

Hamzah ‘Abd Allah al-Malyabari dilahirkan pada tahun 1952 di Kannur, Kerala, India (al-Malyabari, t.th.). Berbeza dengan al-Madkhali yang dibentuk dalam suasana institusi keagamaan Saudi, al-Malyabari berasal daripada lingkungan pendidikan Islam India yang mempunyai tradisi tersendiri. Beliau dikenali sebagai seorang yang kritis, mendalam dan cenderung kepada penelitian akademik yang berterusan. Sumber-sumber biografi beliau tidak terlalu banyak memberi butiran tentang kehidupan awal, namun yang jelas ialah beliau memiliki semangat tinggi untuk melanjutkan pengajian ke dunia Arab.

Beliau memulakan pengajian tinggi di al-Baqiyat al-Salihah di Wilur, sebuah institusi terkenal di India Selatan (Abd al-Salam, t.th). Sejak zaman ini beliau menyimpan cita-cita untuk melanjutkan pengajian di pusat-pusat ilmu dunia Arab. Setelah melalui pelbagai kesukaran, beliau akhirnya bermusafir ke Mesir pada tahun 1977 dan menyambung pengajian di Universiti al-Azhar. Pengalaman di al-Azhar memberi beliau pendedahan kepada tradisi pengajian Islam yang lebih luas, namun juga menyebabkan beliau mulai menyedari beberapa kelemahan pendekatan pengajian yang terlalu berorientasi hafalan dan nota pensyarah (al-‘Atibi, t.th).

Pengajian beliau kemudian berlanjutan ke peringkat doktor falsafah di Universiti Umm al-Qura, Mekah. Tempoh ini amat penting dalam pembentukan identiti intelektual beliau. Di sanalah beliau mendalami karya-karya tokoh seperti ‘Abd al-Rahman al-Mu‘allimi, Ibn Rajab al-Hanbali dan Ibn Hajar al-‘Asqalani, di samping berinteraksi dengan rakan-rakan dan guru-guru yang mengasah kemampuan beliau dalam bahasa Arab, penelitian ilmiah dan kritik hadith. Hasilnya, al-Malyabari berkembang sebagai tokoh yang bukan sahaja menguasai teori ilmu hadith, tetapi juga berusaha memahami semula praktik *nuqqad* secara lebih organik (al-‘Atibi, t.th).

Sepanjang kerjaya akademiknya, beliau menghasilkan banyak karya penting seperti *al-Hadith al-Ma‘lul*, *Nazarat Jadidah fi ‘Ulum al-Hadith*, *al-Muwazanah bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta‘akbhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta‘lilih*, dan *‘Abqariyyah al-Imam Muslim fi Tartib Ahadith Musnadibi al-Sahib*. Karya-karya ini menonjolkan satu orientasi yang jelas, iaitu usaha mengkritik penyederhanaan teori *mustalah* moden dan menghidupkan semula pembacaan terhadap metodologi *mutaqaddimin* (Abd al-Salam, t.th).

Jika al-Madkhali terkenal sebagai tokoh yang tegas membela *salafiyah* dalam kerangka lebih gerakan, maka al-Malyabari lebih menonjol sebagai sarjana yang cuba merumuskan kembali kerangka epistemologi kritik hadith secara akademik. Inilah yang menyebabkan pemikirannya mendapat sambutan besar dalam kalangan pengkaji hadith moden, tetapi pada masa yang sama mengundang tentangan keras daripada pihak yang melihat pendekatannya sebagai ancaman terhadap tradisi arus perdana.

Metodologi Aliran *Salafiyah* dalam Kritik Hadith

Aliran *salafiyah* kontemporari merupakan antara aliran yang paling berpengaruh dalam dunia Islam moden, terutama dalam wacana hadith. Secara umumnya, aliran ini menegaskan bahawa sumber agama yang muktamad ialah al-Quran dan Sunnah berdasarkan kefahaman generasi salaf *al-salih*. Dalam konteks hadith, ini membawa kepada penekanan yang kuat terhadap kesahihan

sanad, penolakan terhadap taklid mazhab yang dianggap membatasi dalil, dan sikap tegas terhadap penggunaan hadith *da'if* (Norasimah & Mazlan, 2019).

Pada sisi aliran ini, apa sahaja yang sahih daripada Nabi SAW wajib diterima, manakala apa yang bercanggah dengannya wajib ditolak. Oleh itu, perhatian terhadap pentashihan dan *tad'if* hadith menjadi sangat besar (al-Qusi, 2002). Dalam penilaian hadith, *salafyyah* lazimnya cenderung menggunakan kerangka yang kemas dan tegas, dengan maksud sanad perlu bersambung, perawi perlu adil dan *dabit*, riwayat tidak boleh *shadh* dan tidak boleh ada *'illah*. Struktur ini selari dengan teori yang telah dibukukan dalam ilmu *mustalah* hadith.

Dari sudut pedagogi dan aplikasi, kerangka ini amat membantu. Namun, dalam konteks yang lebih teknikal, sebahagian pengkaji melihat bahawa kerangka ini kadangkala terlalu yakin pada formula, sehingga kurang memberi tempat kepada praktik penilaian yang lebih halus dan tidak sentiasa boleh dibakukan.

Metodologi Aliran *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin*

Aliran *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin* muncul sebagai satu respons terhadap kecenderungan menyederhanakan ilmu hadith melalui formula teori yang rigid. Menurut aliran ini, ulama *mutaqaddimin* tidak menilai hadith berdasarkan definisi abstrak semata-mata, tetapi melalui interaksi langsung dengan jalur-jalur periwayatan, hafalan yang luas, pengenalan yang mendalam terhadap tabi'at perawi, serta keupayaan membaca *qara'in* yang pelbagai (al-Malyabari, 2001).

Dalam kerangka ini, penilaian terhadap hadith bukan sesuatu yang boleh diselesaikan hanya dengan melihat senarai syarat. Sebaliknya, pengkaji perlu memerhatikan konteks khusus setiap sanad, siapa yang lebih tepat daripada guru tertentu, siapa yang sering tersilap pada tempoh tertentu, bagaimana satu lafaz menyelisihi bentuk periwayatan yang lebih kukuh, dan bagaimana sesuatu riwayat diletakkan dalam keseluruhan jaringan sanad. Oleh sebab itu, para pendukung aliran ini berpendapat bahawa ilmu hadith tidak boleh diumpamakan seperti matematik yang hasilnya dapat dipastikan melalui formula tetap (Abdel Gani, 2017).

Aliran ini juga menekankan bahawa perbezaan antara *mutaqaddimin* dan *muta'akhhirin* bukan semata-mata perbezaan zaman, tetapi perbezaan metodologi. *Mutaqaddimin* pada pandangan mereka mempunyai kepekaan lebih tinggi terhadap *'illah* dan *shudhudh*, manakala *muta'akhhirin* lebih cenderung kepada sistematik (Umar, 2020). Walaupun sistematik itu bermanfaat, aliran ini mengingatkan bahawa ia tidak boleh menggantikan praktik sebenar *nuqqad*. Dalam ruang ini, pemikiran Hamzah al-Malyabari menjadi sangat representatif.

Konsep *'Illah al-Hadith* Menurut Rabi' al-Madkhali

Dalam pemikiran Rabi' al-Madkhali, *'illah* merupakan unsur penting dalam penilaian hadith yang melampaui sekadar pemeriksaan zahir sanad. Sesuatu hadith dinilai dengan sahih sekiranya memenuhi kelima-lima syarat hadith sahih. Namun, jika hanya tiga syarat sahaja dipenuhi maka sesuatu hadith itu belum dikira sebagai sahih secara keseluruhan, merangkumi sanad dan matan, tetapi hanya disebut sebagai sahih *al-isnad* semata-mata. Maka, hadith yang mempunyai *'illah qadibah* dinamakan sebagai hadith *ma'lul* ataupun yang lebih tepat adalah hadith *mu'al* atau *mu'allal* (al-Suyuti, 2016).

Dalam hal ini, pendekatan beliau ialah penerimaan terhadap pembahagian *'illah* kepada *'illah qadibah* dan *'illah ghayr qadibah* (al-Qahiri, 2008). *'Illah qadibah* merujuk kepada kecacatan yang benar-benar menjejaskan penerimaan hadith. Ini boleh berlaku apabila seorang perawi melakukan *wahm* yang memberi kesan besar terhadap status riwayat, seperti menyambung sanad yang terputus, menukar identiti perawi, *memarfū*'kan yang *manqūf*, atau sebaliknya. Dalam keadaan seperti ini, sanad mungkin nampak sahih pada zahir, tetapi setelah diteliti, didapati ia bermasalah (al-Qahiri, 2008).

'Illah ghayr qadibah pula ialah bentuk kecacatan atau perbezaan riwayat yang tidak sampai merosakkan makna atau menjatuhkan hadith daripada kedudukan *maqbul* (al-Suyuti, 2016).

Dengan kata lain, tidak semua perbezaan riwayat mesti menghasilkan penolakan. Ada kalanya kecacatan hanya memberi kesan pada jalur tertentu, sedangkan matan tetap sahih melalui jalur lain yang lebih kuat. Pendekatan ini selaras dengan kecenderungan *muta'akkebirin* yang membezakan antara kecacatan yang menjejaskan status hadith dan kecacatan yang tidak menjejaskan.

Antara contoh yang beliau bentangkan ialah hadith *al-bayyi'ani bi al-khiyar* (Ibn al-Salah, 1986). Zahir sanadnya menunjukkan riwayat *thiqah* dan bersambung, tetapi terdapat kesalahan pada penyebutan guru oleh Ya'la bin 'Ubayd yang meriwayatkannya melalui 'Amr bin Dinar, sedangkan yang betul ialah 'Abd Allah bin Dinar. Pada pandangan Rabi', kecacatan ini menjejaskan sanad tertentu, tetapi tidak semestinya menafikan kesahihan matan secara keseluruhan kerana matan tersebut disokong oleh riwayat lain yang sahih (al-Qahiri, 2008).

Dalam contoh yang lain, berkisar tentang isu *tashif* yang berlaku dan terdapat dalam *Sahih Muslim*. Rabi' al-Madkhali mendatangkan kritikan al-Daraqutni dalam bab kelebihan solat di dua masjid Mekah dan Madinah. Beliau menukulkan pandangan al-Daraqutni yang menyebutkan bahawa Imam Muslim mengeluarkan hadith 'Ubaydullah dan Musa al-Juhani daripada Nafi', daripada Ibn 'Umar lalu disebutkan teksnya (al-Madkhali, t.th). Kemudian, diikuti dengan jalur daripada Ma'mar, daripada Ayyub, daripada Nafi' dan beliau mengatakan bahawa jalur ini *laysa bi al-mahfuz* (al-Daraqutni, 1985). Manakala periwayatan Ibn Jurayj dan Layth pula menyelisihi mereka, iaitu kedua-duanya meriwayatkan daripada Nafi', daripada Ibrahim bin Abdullah bin Ma'bad, daripada Maymunah. Beliau mengeluarkan kedua-dua bentuk riwayat tersebut, manakala al-Bukhārī tidak meriwayatkannya daripada jalur Nafi' dengan jalur sedemikian. (al-Daraqutni, 1985).

Hadis tersebut terdapat dalam *Sahih Muslim* melalui jalan Zuhayr bin Harb dan Muhammad bin al-Muthanna. Imam Muslim meriwayatkan bahawa Zuhayr bin Harb dan Muhammad bin al-Muthanna menceritakan kepadaku, keduanya menceritakan kepada kami daripada Yahya bin al-Qattan, daripada 'Ubaydullah, beliau berkata bahawa Nafi' mengkhabarkan kepadaku, daripada Ibn 'Umar RA, daripada Nabi SAW bersabda, "Solat di dalam masjidku lebih utama daripada seribu solat di masjid-masjid selainnya, melainkan Masjidilharam."

Kemudian, Imam Muslim mendatangkan juga jalur daripada Ibrahim bin Musa bahawa beliau berkata, Ibn Abi Za'idah mengkhabarkan kepada kami, daripada Musa al-Juhani, daripada Nafi', daripada Ibn 'Umar RA dan jalur Ibn Abi Umar bahawa 'Abd al-Razzaq menceritakan kepada kami, beliau berkata Ma'mar mengkhabarkan kepada kami, daripada Ayyub, daripada Nafi', daripada Ibn 'Umar RA seperti riwayat Yahya bin al-Qattan (Muslim, t.th).

Dalam hal ini, Rabi' al-Madkhali merumuskan bahawa daripada pandangan al-Daraqutni ini terdapat dua permasalahan iaitu pandangannya yang mengatakan jalur Ayyub *laysa bi al-mahfuz* dan terdapat perbezaan periwayatan daripada murid-murid Nafi' (al-Madkhali, t.th). Pandangan al-Nasa'i terhadap riwayat ini dapat dilihat melalui ulasan beliau selepas meriwayatkan hadith tersebut daripada Musa al-Juhani dengan sanad yang sama sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim (al-Madkhali, t.th). Rabi' al-Madkhali menjelaskan lagi bahawa al-Nasa'i melalui kenyataan Abu 'Abd al-Rahman menyebut bahawa beliau tidak mengetahui sesiapa yang meriwayatkan hadith ini daripada Nafi', daripada 'Abdullah bin 'Umar, selain Musa al-Juhani. Namun begitu, riwayat ini telah diselisihi oleh Ibn Jurayj dan perawi-perawi lain (al-Madkhali, t.th). Selepas itu, beliau menukulkan lagi bahawa al-Nasa'i meriwayatkan pula hadith tersebut melalui sanadnya kepada Ibn Jurayj, daripada Nafi', daripada Ibrahim bin 'Abdullah bin Ma'bad, daripada Maymunah.

Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa hadith ini bukan hanya diriwayatkan daripada Nafi' melalui Musa al-Juhani semata-mata. Sebagaimana yang telah diketahui, hadith tersebut turut diriwayatkan daripada Nafi' oleh 'Ubaydullah dan Ayyub. Bahkan, akan dijelaskan kemudian bahawa hadith ini juga diriwayatkan dengan bentuk yang sama oleh 'Abdullah bin 'Umar al-'Umari (al-Madkhali, t.th). Hal ini menunjukkan bahawa perbahasan mengenai jalur riwayat Nafi' dalam hadith ini tidak terhad kepada satu bentuk sanad sahaja, sebaliknya melibatkan beberapa wajah periwayatan yang perlu dianalisis secara teliti.

Rabi' al-Madkhali kemudiannya menambahkan lagi bahawa al-Qadi 'Iyad pula dilihat menerima kritikan al-Daraqutni terhadap riwayat tersebut. Malah, beliau menukilkan kenyataan al-Bukhari dalam *al-Tarikh* yang pada pandangannya menyokong kritikan itu (al-Madkhali, t.th). Menurut al-Qadi 'Iyad, al-Bukhari telah menyebut riwayat 'Ubaydullah dan Musa daripada Nafi', lalu menyatakan bahawa riwayat yang pertama adalah lebih sahih. Riwayat pertama yang dimaksudkan ialah riwayat Ibrahim bin Abdullah bin Ma'bad, daripada Maymunah, sebagaimana yang turut ditegaskan oleh al-Daraqutni (al-Nawawi, 1392).

Namun demikian, al-Nawawi memberikan ulasan yang lebih seimbang terhadap kenyataan al-Qadi 'Iyad tersebut. Terdapat kemungkinan bahawa kedua-dua riwayat tersebut adalah sahih, sebagaimana pendekatan yang diambil oleh Imam Muslim dalam sahihnya. Perbezaan pada sanad tidak semestinya menghalang kemungkinan kesahihan kedua-duanya, khususnya apabila matan hadith tersebut tetap sahih tanpa sebarang perselisihan. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa perbezaan riwayat tersebut tidak mencatitkan kesahihan matan hadith (al-Nawawi, 1392).

Berdasarkan perbincangan ini, Rabi' al-Madkhali (t.th) berpendapat bahawa pandangan al-Nawawi kelihatan lebih tepat dan kukuh. Hal ini kerana beliau tidak menolak kewujudan perbezaan sanad, namun pada masa yang sama tidak menjadikannya sebagai alasan mutlak untuk menilai salah satu riwayat sebagai tertolak. Sebaliknya, beliau mengambil pendekatan *al-jam'* iaitu mengharmonikan kedua-dua riwayat selama mana tidak wujud pertentangan yang benar-benar menghalang kesahihan kedua-duanya. (al-Madkhali, t.th).

Akhir sekali rumus yang dilakukan oleh al-Madkhali ialah matan hadith ini dinilai sebagai *sahih jiddan* melalui jalur 'Ubaydullah dan para perawi yang mengikutinya, daripada Nafi', daripada 'Abdullah bin 'Umar secara *marfu'* kepada Nabi SAW. Selain itu, hadith ini turut diriwayatkan melalui jalur kedua, iaitu jalur Ibn Jurayj dan al-Layth, daripada Nafi', daripada Maymunah. Berdasarkan penelitian terhadap kedua-dua jalur tersebut, pandangan yang lebih tepat ialah Nafi' telah meriwayatkan hadith ini melalui kedua-dua bentuk sanad sebagaimana yang disebutkan oleh al-Nawawi.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan riwayat yang melibatkan Ibn Jurayj dan al-Layth. Dalam hal ini, al-Bukhari dan al-Daraqutni berpandangan bahawa bentuk riwayat yang lebih sahih ialah riwayat yang tidak menyebut Ibn 'Abbas di antara Ibrahim bin Ma'bad dan Maymunah. Meskipun begitu, pandangan al-Daraqutni, al-Bukhari dan al-Nasa'i yang melemahkan riwayat 'Ubaydullah dan Musa al-Juhani adalah tidak tepat. Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, riwayat 'Ubaydullah dan para perawi yang mengikutinya ternyata lebih sahih dan lebih kukuh berbanding riwayat Ibn Jurayj dan al-Layth.

Kekuatan riwayat 'Ubaydullah ini dapat dilihat daripada kedudukan beliau yang mempunyai kelebihan khusus dalam periwayatan daripada Nafi'. Selain itu, riwayat tersebut turut disokong oleh riwayat-riwayat susulan dan tidak berlaku percanggahan terhadap beliau mahupun terhadap para perawi yang mengikutinya. Keadaan ini berbeza dengan riwayat Ibn Jurayj dan al-Layth, kerana riwayat mereka tidak memiliki kelebihan yang sama. Bahkan, berlaku perbezaan riwayat terhadap kedua-duanya, sekali gus menjadikan kedudukan riwayat tersebut lebih rendah berbanding riwayat 'Ubaydullah dan para perawi yang mengikutinya. Namun demikian, riwayat Ibn Jurayj dan al-Layth masih berada dalam lingkungan sahih, cuma riwayat 'Ubaydullah adalah lebih kuat dan lebih sahih daripadanya.

Maka hadith ini melalui jalur Maymunah dan Ibn 'Umar mempunyai riwayat sokongan kepada Nafi' serta beberapa *shahid* yang menguatkan kedudukannya. Antara riwayat sokongan tersebut ialah hadith 'Ata' daripada Ibn 'Umar. Adapun *shahid* bagi hadith ini pula datang daripada beberapa orang sahabat iaitu Abu Hurayrah, Jabir, 'Abdullah bin al-Zubayr dan Jubayr bin Mut'im. Oleh itu, secara keseluruhannya, hadith ini mempunyai asas periwayatan yang kuat dan matannya adalah sahih (al-Madkhali, t.th).

Daripada sini jelas bahawa al-Madkhali mengiktiraf keluasan medan *'illah*, tetapi tetap mempertahankan ruang untuk membezakan darjat kecacatan. Secara epistemologi, pendekatan ini memperlihatkan usaha beliau mengharmonikan antara penghormatan terhadap *nuqqad* klasik

dan penerimaan terhadap kerangka teori *muta'akhhirin* yang lebih sistematik. Selain itu, beliau secara tidak langsung menafikan wujudnya *'illah* atau kesalahan dalam mana-mana periwayatan *Sahih Muslim* meskipun terdapat kritikan daripada tokoh *'ilal* semisal al-Daraqutni, al-Bukhari dan al-Qadi 'Iyad.

Konsep *'Illah al-Hadith* Menurut Hamzah al-Malyabari

Hamzah al-Malyabari mengambil pendekatan yang lebih ketat dan lebih kritikal terhadap konsep *'illah*. Menurut beliau, *'illah* tidak patut dibatasi kepada kesalahan perawi *thiqah* sahaja, dan tidak patut juga dibahagikan kepada *qadibah* dan *ghayr qadibah*. Sebaliknya, *'illah* pada hakikatnya ialah semua bentuk kesalahan perawi yang menuntut penilaian kritikal terhadap riwayat, sama ada perawi itu *thiqah* atau *da'if*, dan sama ada kesalahan itu berkaitan dengan sanad atau matan (al-Malyabari, 2003).

Pandangan ini penting kerana ia menunjukkan beliau tidak bersetuju dengan penyempitan istilah *'illah* yang sering ditemukan dalam sebahagian kitab *mustalah muta'akhhirin*. Menurut beliau, *nusqad* terdahulu menggunakan konsep *'illah* dengan lebih luas dan lebih praktikal. Jika berlaku kesalahan yang menjejaskan ketepatan periwayatan, maka itulah *'illah*. Justeru, beliau menolak pembahagian *'illah* kepada yang memberi kesan dan yang tidak memberi kesan. Pada hemat beliau, jika sesuatu itu benar-benar ada *'illah*, maka ia mestilah memberi implikasi terhadap penilaian hadith (al-Malyabari, 1996).

Al-Malyabari juga mengkritik andaian bahawa kewujudan perawi *da'if* menafikan unsur *'illah* kerana kelemahan mereka sudah zahir. Bagi beliau, meskipun seorang perawi diketahui lemah, penentuan bentuk kesalahan yang berlaku dalam sesuatu riwayat tetap memerlukan kajian. Masih perlu dikenal pasti apakah bentuk *wahm* yang dilakukan, bagaimana riwayat itu dibandingkan dengan riwayat lain, dan apakah *qarinah* yang menunjukkan titik kelemahan tersebut. Maka, keda'ifan zahir perawi tidak menafikan keperluan analisis *'ilal* (al-Malyabari, 1996).

Contoh yang dibawa oleh beliau berhubung hadith amin dalam solat sangat signifikan. Riwayat Shu'bah daripada Salamah bin Kuhayl daripada Hujr Abi al-'Anbasi daripada 'Alqamah bin Wa'il daripada bapanya memuatkan lafaz bahawa Nabi SAW mengucapkan "*amin*" dengan suara yang direndahkan (Muslim, 1410). Lafaznya seperti berikut:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَرَأَ: {غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ} ، فَقَالَ: «آمِينَ» وَخَفَضَ بِمَا صَوْتُهُ

Maksudnya: Bahawa Nabi SAW membaca {غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ} lalu Baginda SAW menyebutkan *amin* dan baginda merendahkan suaranya.

Namun menurut al-Malyabari (1996), para *nusqad* seperti Muslim, al-Bukhari, Abu Zur'ah, al-Tirmidhi dan al-Daraqutni telah menunjukkan kesalahan Shu'bah, sama ada pada matan atau sanad (Muslim, 1410). Jalur yang lebih sahih ialah riwayat Sufyan al-Thawri, yang menunjukkan bentuk lafaz berbeza dan sanad yang lebih tepat. Contoh ini menunjukkan bahawa pengesanan *'illah* memerlukan perbandingan jalur, pengetahuan tentang siapa yang lebih kuat hafazan (*ahfaz*) terhadap guru tertentu, serta kepekaan terhadap variasi lafaz dan struktur sanad.

Selain itu, berkenaan hadith kelebihan solat di dua masjid iaitu Mekah dan Madinah. al-Malyabari sekali lagi menunjukkan praktik *nusqad* hadith dalam meneliti riwayat daripada jalur al-Layth, daripada Ibrahim bin 'Abdullah bin Ma'bad, daripada Ibn 'Abbas, daripada Maymunah. Penyebutan Ibn 'Abbas sebagai perawi daripada Maymunah dalam sanad ini dianggap sebagai kesilapan para penyalin naskhah. Bentuk yang tepat ialah daripada Ibrahim bin 'Abdullah bin Ma'bad bin 'Abbas, daripada Maymunah (al-Malyabari, 2004).

Dalam isu ini, Imam Muslim telah meriwayatkan jalur al-Layth, daripada Nafi', daripada Ibrahim bin 'Abdullah bin Ma'bad, daripada Ibn 'Abbas, daripada Maymunah. Namun, beliau tidak meriwayatkan jalur al-Layth yang tidak menyebut Ibn 'Abbas di dalamnya. Riwayat yang

menyebut nama Ibn ‘Abbas dalam rantai perawi adalah tidak sah, manakala riwayat yang tidak menyebut nama Ibn ‘Abbas adalah *Mahfuz* (Hamza, 2004). Sebahagian ulama hadith khususnya *muta’akbhirin* berpendirian bahawa riwayat yang menyebut nama Ibn ‘Abbas merupakan riwayat sokongan yang dimasukkan oleh Imam Muslim dalam sahihnya. Sedangkan, bagi al-Malyabari ia tidak dikira sebagai *mutaba’ah* tetapi lebih kepada metodologi Imam Muslim dalam menerangkan ‘illah atau kesilapan perawi dalam sanad. Oleh itu, beliau menyebut sekiranya Muslim bertujuan membawa riwayat *mutaba’ah*, maka lebih utama baginya untuk meriwayatkan jalur kedua yang tidak menyebut nama Ibn ‘Abbas kerana riwayat tersebut lebih selamat dan tidak dipertikaikan kesahihannya. Namun, beliau tidak melakukannya (al-Malyabari, 2004).

Imam Muslim, ketika mengemukakan hadith Ibn ‘Umar RA pada bahagian akhir bab, sebenarnya telah menyentuh perbincangan mengenai perbezaan riwayat daripada Nafi’. Ringkasnya, sebahagian perawi *thiqah* meriwayatkan hadith tersebut daripada Nafi’, daripada Ibn ‘Umar RA, manakala sebahagian perawi yang lain meriwayatkannya daripada Nafi’, daripada Ibrahim, daripada Maymunah (al-Malyabari, 2004).

Oleh yang demikian, Imam Muslim telah menghimpunkan riwayat-riwayat yang berbeza ini dalam karya sahihnya bagi menjelaskan unsur ‘illah yang terdapat padanya secara tidak langsung. Hal ini dilakukan setelah beliau terlebih dahulu berpegang kepada hadith Abu Hurayrah RA yang membincangkan topik yang sama, serta meletakkannya pada permulaan bab tersebut. Pandangan al-Malyabari ini sebenarnya disokong secara tidak langsung oleh ulama hadith daripada Syria iaitu Muhammad ‘Awwamah dalam risalahnya. Menurut Muhammad ‘Awwamah (2017), Imam Muslim apabila beliau hendak menerangkan ‘illah yang terkandung dalam sanad maka beliau akan mendahulukan hadith yang paling sahih di awal dan menutupnya dengan hadith yang mengandungi ‘illah pada akhir bab (‘Awwamah, 2017).

Rumusannya, al-Malyabari menegaskan bahawa ilmu ‘ilal bukan bidang yang boleh diselesaikan melalui definisi umum. Ia memerlukan *mumarasah*, penghayatan terhadap karya-karya *nuqqad*, dan latihan intensif membaca jaringan periwayatan. Oleh itu, beliau lebih cenderung menjadikan ilmu ‘ilal sebagai medan elit yang tidak mudah dirumuskan dalam bentuk formula pedagogi yang sederhana.

PERBINCANGAN

Analisis Komparatif Konsep ‘Illah dalam Sahih Muslim antara Rabi’ al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari

Perbezaan Rabi’ al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari jelas melampaui perbezaan istilah. Ia menyentuh cara memahami ilmu hadith itu sendiri. Pertama, dari sudut definisi, al-Madkhali cenderung menerima kerangka *muta’akbhirin* yang membezakan antara ‘illah *qadibah* dan ‘illah *ghayr qadibah* (al-Qahiri, 2008), manakala al-Malyabari menolak pembahagian itu dan menegaskan bahawa semua ‘illah ialah bentuk kecacatan yang memberi implikasi (al-Malyabari, 2003).

Kedua, dari sudut fungsi teori, al-Madkhali melihat teori *mustalah* sebagai alat yang sah dan berguna untuk menjelaskan fenomena kritik hadith. Hal ini memberi kelebihan dari sudut sistematika dan pengajaran. Sebaliknya, al-Malyabari menganggap bahawa terlalu bergantung pada teori boleh menjarakkan pengkaji daripada praktik sebenar *nuqqad*. Oleh sebab itu, beliau lebih menekankan pembacaan langsung terhadap aplikasi imam-imam hadith klasik.

Ketiga, dari sudut pendekatan terhadap Sahih Muslim, al-Madkhali lebih cenderung mempertahankan integriti keseluruhan kitab tersebut dan berhati-hati agar perbincangan ‘illah tidak dijadikan alasan untuk menggugat autoritinya. Al-Malyabari pula melihat bahawa Imam Muslim kadangkala memasukkan riwayat ber‘illah sebagai bentuk isyarat terhadap metodologinya dalam mentarjihkan riwayat, bukan semata-mata sebagai hujah utama. Oleh itu, beliau membaca *Sahih Muslim* secara lebih bertingkat dan berlapis.

Keempat, dari sudut autoriti ilmiah, al-Madkhali memberi tempat lebih besar kepada kesinambungan tradisi *muta'akbhirin*, sedangkan al-Malyabari menekankan keutamaan *mutaqaddimin* dalam medan *'ilal* dan *shudbudh*. Ini menjadikan al-Malyabari lebih tegas dalam membezakan dua tradisi tersebut.

Kelima, dari sudut corak wacana, al-Madkhali sering membawa kritik dengan nada polemik dan pembelaan identiti manhaj, sedangkan al-Malyabari cenderung menstrukturkan kritiknya sebagai perbahasan metodologi yang lebih akademik. Walaupun kedua-duanya sama-sama tegas, orientasi ini menghasilkan kesan yang berbeza terhadap cara pembaca menerima hujah mereka.

Jadual 1: Analisis Komparatif Konsep *'Illab* dalam *Sahih Muslim* Antara Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari

Rabi' al-Madkhali	Hamzah al-Malyabari
Pemahaman <i>'Illab</i>	
Membahagikan <i>'illab</i> kepada dua iaitu <i>qadibah</i> dan <i>ghayr qadibah</i> .	Menyatakan <i>'illab</i> semuanya adalah <i>'illab</i> dan memberikan kesan terhadap status hadith.
Teori <i>Mustalah</i>	
Teori mustalah penting sebagai alat sistematik untuk memahami kritik hadith.	Terlalu bergantung pada teori menjauhkan daripada teori praktikal sebenar <i>nugqad</i> .
Pendekatan dalam Berinteraksi dengan <i>Sahih Muslim</i>	
Mempertahankan kredibiliti kitab daripada dikritik dan dalam masa sama membantah bahawa Sahih Muslim terdapat hadith ber' <i>'illab</i> .	Mengangkat metodologi Imam Muslim dalam menerangkan <i>'illab</i> riwayat di samping melakukan penelitian yang mendalam dalam kerangka <i>Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin</i> .
Autoriti Ilmiah	
Meletakkan aliran <i>muta'akbhirin</i> sebagai keutamaan dalam penilaian <i>manhaj muhaddithin</i> .	Menekankan keutamaan <i>mutaqaddimin</i> dalam medan <i>'ilal</i> dan <i>shudbudh</i> .
Gaya dan Corak Wacana	
Nada polemik dan pembelaan identiti <i>manhaj</i> .	Pendekatan kritik yang berteraskan praktikal <i>nugqad</i> hadith dan analisis akademik.

Pertembungan Paradigma Wacana Hadith Antara *Salafiyyah* dan *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin*

Perdebatan antara Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari sebenarnya memperlihatkan dua paradigma besar dalam wacana hadith semasa. Paradigma pertama ialah *salafiyyah* yang menekankan kepastian nas, kejelasan manhaj, dan autoriti kerangka ilmu yang telah mapan. Dalam paradigma ini, kestabilan disiplin amat penting, dan *Sahih Muslim* dibaca sebagai karya sahih yang keutuhannya perlu dipelihara daripada pembacaan yang terlalu kritikal.

Paradigma kedua ialah *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin* yang menekankan bahawa ilmu hadith tidak boleh difahami secara sempurna hanya melalui teori yang dibukukan kemudian. Tetapi perkara penting yang perlu dihidupkan ialah cara fikir *nugqad* hadith awal. Hal ini bermaksud kepekaan terhadap *qara'in*, perbandingan jalur, penilaian relatif terhadap perawi, dan keberanian menilai riwayat secara lebih mendalam walaupun ia terdapat dalam karya-karya hadith yang besar dan muktabar.

Kedua-dua paradigma ini mempunyai kekuatan dan keterbatasan. *Salafiyyah* memberi struktur, ketegasan dan kemudahan aplikasi. Namun ia boleh terdedah kepada risiko simplifikasi apabila berdepan isu-isu teknikal *'ilal*. Sebaliknya, *Ihya' Manhaj al-Mutaqaddimin* memberi kedalaman dan kehalusan, tetapi berdepan cabaran untuk dibakukan secara praktikal pada zaman moden. Dalam konteks ini, perdebatan al-Madkhali dan al-Malyabari menjadi penting kerana ia memperlihatkan bahawa masa depan kajian hadith memerlukan dialog antara kedua-dua kekuatan ini, bukan sekadar penolakan mutlak terhadap salah satunya.

Metodologi *Sahih Muslim* dalam Perbahasan Kedua-dua Tokoh

Isu metodologi Imam Muslim merupakan medan paling jelas yang mempertemukan kedua-dua tokoh. *Sahih Muslim* bukan sekadar himpunan hadith sahih, tetapi juga karya yang tersusun dengan sangat teliti. Persoalan yang timbul ialah sama ada semua riwayat di dalamnya harus dibaca sebagai hujah utama secara seragam, atau ada sebahagiannya berfungsi sebagai isyarat kepada kecacatan tertentu.

Rabi' al-Madkhali cenderung menolak pembacaan yang terlalu jauh terhadap susunan kitab tersebut. Bagi beliau, sekalipun terdapat perbahasan terhadap jalur-jalur tertentu, hal itu tidak menafikan status umum *Sahih Muslim* sebagai karya yang sangat tinggi autoritinya (al-Malyabari, t.th). Pendekatan ini penting dari sudut mempertahankan keutuhan dan kedudukan karya hadith sahih. Sebaliknya, Hamzah al-Malyabari menekankan bahawa Imam Muslim sendiri memberi petunjuk dalam *muqaddimah*nya bahawa beliau akan menjelaskan riwayat-riwayat yang ada 'illah pada tempat-tempat tertentu (Muslim, t.th). Daripada situ, al-Malyabari berpendapat bahawa susunan *Sahih Muslim* harus dibaca secara lebih analitik. Sebahagian riwayat mungkin tidak diletakkan sebagai *usul*, sebaliknya berfungsi sebagai bahan perbandingan, penjas atau isyarat kepada kecacatan yang difahami oleh pembaca yang mahir.

Pertembungan antara kedua-dua tokoh bermula apabila al-Malyabari mengutus surat kepada al-Madkhali bagi membetulkan penelitian beliau terhadap riwayat al-Layth berkenaan kelebihan solat di Masjidilharam dan Masjid Nabawi. Perkara ini dinyatakan oleh mereka dalam siri karya balas kedua-dua tokoh iaitu *Manhaj al-Imam Muslim fi Tartib Kitabuhu al-Sahih wa Dahada Shubhat Hawlahu* dan *Ma Hakaẓa Turadu Ya Sa'd al-Ibil Hivar 'Ilmi Ma'a al-Duktur Rabi' Hawla Manhaj al-Muhaddithin al-Nuqqad al-Qudama fi Naqd al-Ahadith Sahih Muslim*.

Rabi' al-Madkhali mengatakan pandangan Hamzah al-Malyabari bahawa Qutaybah dan Muhammad bin Rumh tidak meriwayatkan hadith ini dengan jalur yang menyebut nama Ibn 'Abbas (al-Madkhali, t.th). Beliau menampelak al-Malyabari kerana alasannya itu hanya disebabkan al-Bukhari tidak meriwayatkannya dalam *al-Tarikh* dan al-Daraqutni tidak meriwayatkannya dalam *al-Tlal*. Dari sudut pandang al-Malyabari pula, riwayat al-Layth yang terdapat nama Ibn 'Abbas itu sebenarnya adalah satu *tashif*. Hal ini kerana, bentuk periwayatan yang tepat ialah daripada al-Layth meriwayatkan hadith itu daripada Nafi', daripada Ibrahim bin 'Abdullah bin Ma'bad bin 'Abbas, daripada Maymunah (al-Malyabari, 2004).

Meskipun begitu, matan hadith tersebut mempunyai lafaz yang sama maksud dengan periwayatan Ibn 'Umar yang lebih kuat. Tetapi dalam periwayatan al-Layth tersebut memang dipertikaikan kedudukan sanad tersebut sebagaimana yang disebutkan pakar *'ilal* semisal al-Bukhari, al-Daraqutni dan diikuti pandangan tersebut oleh al-Malyabari. Oleh itu, pandangan al-Malyabari dalam hal ini lebih kuat kerana mempunyai sokongan data daripada kenyataan al-Bukhari dan al-Daraqutni serta disokong juga oleh al-Qadi 'Iyad.

Secara akademik, kedua-dua pendekatan ini mempunyai signifikan tersendiri. Pendekatan al-Madkhali mengelakkan pembacaan hiper-skeptikal terhadap karya sahih, manakala pendekatan al-Malyabari membuka ruang kepada penelitian lebih mendalam terhadap strategi susunan Imam Muslim. Maka, perdebatan ini sewajarnya dilihat sebagai dorongan untuk membaca *Sahih Muslim* dengan lebih sofistikated, bukan sekadar memilih salah satu kitab secara mutlak.

Al-Madkhali juga mempunyai kekuatan dan kemampuan dalam mempertahankan struktur ilmu hadith yang tersusun, boleh diajar dan boleh diaplikasi secara sistematik. Pembahagian beliau terhadap *'illah qadibah* dan *ghayr qadibah* memberi manfaat pedagogi yang jelas. Di samping itu, sifat berhati-hati beliau terhadap autoriti *Sahih Muslim* membantu mengekang kecenderungan skeptisisme berlebihan. Namun demikian, kelemahan pendekatan beliau ialah kecenderungan mempertahankan kerangka sedia ada secara kukuh sehingga ruang untuk membaca ulang praktik *nuqqad* menjadi agak sempit. Pendekatan dan gaya beliau juga kadangkala menyebabkan perdebatan metodologi bertukar menjadi pertikaian identiti, yang boleh menjelaskan keluasan dialog akademik.

Sebaliknya, al-Malyabari mempunyai kekuatan besar pada keberanian ilmiah dan ketajaman penelitiannya. Beliau berjaya memaksa para pengkaji memikirkan semula sejauh mana teori *mustalah* yang dibakukan *muta'akbbihin* benar-benar mencerminkan praktik *nuqqad* terdahulu. Sumbangan beliau terhadap menghidupkan semula kajian *'ilal* dan metodologi *Sahib Muslim* sangat signifikan. Walau bagaimanapun, pendekatan beliau juga mempunyai cabaran. Penegasan yang terlalu kuat terhadap jurang antara *mutaqaddimin* dan *muta'akbbihin* boleh menyebabkan sebahagian pembaca meremehkan sumbangan besar ulama *muta'akbbihin* dalam pemeliharaan dan penyusunan ilmu hadith. Selain itu, jika seruan kembali kepada manhaj *mutaqaddimin* tidak disertai disiplin metodologi yang jelas, ia berisiko membuka ruang kepada subjektivisme.

Oleh itu, penilaian yang lebih seimbang adalah dengan mengakui bahawa kedua-dua tokoh menyumbang dari sudut yang berbeza, dengan al-Madkhali mengekalkan disiplin dan struktur, manakala al-Malyabari menghidupkan roh kritik dan kehalusan metodologi dalam penelitian. Dalam ilmu *'ilal*, kedua-dua unsur ini sebenarnya sangat diperlukan.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa konsep *'illah* dalam *Sahib Muslim* sebagaimana dibahas oleh Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari mencerminkan satu pertentangan paradigma yang mendalam dalam wacana hadith kontemporari. Perbezaan mereka bukan sekadar perbezaan terminologi atau contoh riwayat, tetapi berkaitan secara langsung dengan persoalan epistemologi yang melibatkan bagaimana warisan kritik hadith harus difahami, diwarisi dan diaplikasikan.

Al-Madkhali mewakili kecenderungan yang lebih dekat dengan tradisi *muta'akbbihin*, yang menerima pembahagian *'illah* kepada *qadibah* dan *ghayr qadibah*, mengekalkan struktur teori *mustalah*, serta berhati-hati dalam membaca *Sahib Muslim*. Justeru, beliau mempertahankan riwayat al-Layth dalam tajuk kelebihan solat di Masjidilharam dan Masjid Nabawi daripada sebarang kritikan dan menyebut riwayat itu sebagai *mutaba'ah* kepada hadith yang *usul*. Sebaliknya, al-Malyabari mewakili usaha menghidupkan *manhaj mutaqaddimin* dengan menolak penyederhanaan teori, meluaskan pengertian *'illah* kepada semua bentuk kesalahan perawi, dan membaca *Sahib Muslim* sebagai teks yang mengandungi lapisan metodologi yang lebih kompleks. Dengan sebab itu, beliau mempertahankan *sina'ah hadithiyyah* para *nuqqad* seperti Imam Muslim dengan mengatakan jalur al-Layth yang menyebutkan nama Ibn 'Abbas merupakan satu *tashif* dan bentuk penerangan *'illah* yang ditunjukkan oleh Imam Muslim melalui susunan hadith-hadithnya.

Daripada perdebatan ini, jelas bahawa kajian *'ilal* hadith semasa tidak memadai dengan penguasaan definisi semata-mata. Ia memerlukan penggabungan antara disiplin teori, pembacaan teliti terhadap karya-karya *nuqqad* hadith, kepekaan terhadap *qara'in*, dan kesediaan menilai semula kerangka yang telah lama diterima. Oleh itu, pendekatan yang paling bermanfaat bukanlah memilih secara mutlak salah satu pihak, tetapi membangunkan sintesis yang mengekalkan kejelasan teori sambil menghormati kehalusan praktik kritik hadith ulama terdahulu.

Dengan demikian, pertembungan antara Rabi' al-Madkhali dan Hamzah al-Malyabari harus dilihat bukan sebagai polemik yang memecah-belah semata-mata, tetapi sebagai pemangkin kepada pematangan semula pengajian hadith. Pertembungan ini membuka ruang kepada pembacaan yang lebih mendalam terhadap metodologi Imam Muslim, kedudukan *'illah* dalam *naqd al-hadith*, dan hubungan antara warisan *mutaqaddimin* dengan sistematika *muta'akbbihin*. Dalam konteks pengajian hadith kontemporari, hal ini merupakan sumbangan ilmiah yang sangat bernilai.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dapatan daripada kajian penulis di peringkat Doktor Falsafah, Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Ibrahim Adham Mohd Rokhibi merupakan penyumbang utama dalam penulisan artikel ini, merangkumi kajian literatur, penterjemahan teks, analisis data, dan penyediaan draf akhir. Manakala, Mohd Farhan Md Ariffin bertanggungjawab dalam menyemak kandungan akademik, memberi pandangan kritikal, serta mencadangkan penambahbaikan struktur hujahan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Dalam penilaian struktur binaan ayat dan tatabahasa maka artikel ini menggunakan chatgpt 5.2 sebagai alat bacaan pruf dengan merujuk standard Tatabahasa Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Abd al-Salam, A. S. (t.th.). *al-Sirah al-Dhatiyyah: al-Ustadh al-Duktur Hamzah bin 'Abd Allah al-Malyabari*. Forum Ahl al-Hadeeth. <http://www.ahlalhodeeth.com/vb/showthread.php?t=331578>
- Abdel Gani, A. (2017). Ahliyyah al-Muta'akhirin fi al-Hukm'ala al-Hadith Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq. *Amasya University Journal of Theology (AMAUJFD)*, (9), 199–223. <https://doi.org/10.18498/amaufid.363487>
- Abu 'Abd Allah. (2011). *Tarjamah al-Shaykh al-Muhaddith Rabi' bin Hadi 'Umayr al-Madkhali*. Muhibbi al-Albani. <https://mo7ebinalalbani.yoo7.com/t152-topic>
- al-'Atibi, A. (t.th.). *Liqa' Multaqa Ahl al-Hadith bi Fadilah al-Shaykh al-Muhaddith Dr. Hamzah al-Malyabari*. Forum Ahl al-Hadeeth. <http://www.ahlalhodeeth.com/~ahl/vb/showthread.php?s=a4da12b0cdbe845852eb9c9672915d3d&t=3662>
- 'Awwamah, M. (2017). *Min Manhaj al-Imam Muslim fi 'Aradi al-Hadith al-Mu'allal fi Sahibibi*. Dar al-Minhaj.
- al-Daraqutni, A. H. U. (1985). *Al-Ilzamat wa al-Tatabbu'* (M. B. H. al-Wadi'i, Ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muslim, H. (1410H). *al-Tamyiz* (M. M. al-A'zami, Ed.). Maktabah al-Kawthar.
- Muslim, H. (t.th.). *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW* (M. F. 'Abd al-Baqi, Ed.). Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn al-Salah, U. A. R. (1986). *Ma'rifah Anwa' 'Ulum al-Hadith* (N. al-Din 'Itr, Ed.). Dar al-Fikr.
- al-Madkhali, R. H. (t.th.). *Bayna al-Imamayn Muslim wa al-Daraqutni*. Maktabah al-Rushd.
- al-Madkhali, R. H. (t.th.). *al-Radd al-Mufhim 'ala Man I'tada 'ala Sahih al-Imam Muslim Rahimahullah* (t.t.p.: t.p.).
- al-Madkhali, R. H. (t.th.). *Manhaj al-Imam Muslim fi Tartib Kitabu al-Sahih wa Dabada Shubhat Hawlahu*. Majalis al-Huda li al-Intaj wa al-Tawzi'.
- al-Malyabari, H. A. (2003). *Nazarat Jadidah fi 'Ulum al-Hadith: Dirasah Naqdiyyah wa Muqaranah Bayna al-Janib al-Tatbiqiy Lada al-Mutaqaddimin wa al-Janib al-Nazariy 'Inda al-Muta'akhirin*. Dar Ibn Hazm.
- al-Malyabari, H. (1996). *Al-Hadith al-Ma'lul Qawa'id wa Dawabit*. Dar Ibn Hazm.
- al-Malyabari, H. (2001). *al-Muwazanah Bayna al-Mutaqaddimin wa al-Muta'akhirin fi Tashih al-Ahadith wa Ta'liliha*. Dar Ibn Hazm.
- al-Malyabari, H. (2004). *Ma Hakaqa Turadu Ya Sa'd al-Ibil Hivar 'Ilmi Ma'a al-Duktur Rabi' Hawla Manhaj al-Muhaddithin al-Nuqqad al-Qudama fi Naqd al-Ahadith Sahih Muslim*. Dar Ibn Hazm.
- al-Malyabari, H. (t.th.). *al-Sirah al-Dhatiyyah*. Qatar University. www.qu.edu.qa
- al-Nawawi, Y. S. (1392H). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Norasimah, O. & Mazlan, I. (2019). Penilaian para ulama Islam terhadap metode tafsiran aliran Salafiyyah kontemporari ke atas ayat sifat. *International Journal of Islamic Thought*, 16, 98–107. <https://doi.org/10.24035/ijit.16.2019.009>

- al-Qahiri, A. A. M. A. G. (2008). *Majmū‘ Kutub wa Rasā’il wa Fatāwā Faḍīlah al-Shaykh al-‘Allamah Rabi‘ bin Hadi ‘Umayr al-Madkhali*. Dar al-Imam Ahmad.
- al-Qusi, M. S. (2002). *al-Manhaj al-Salafy (Ta‘rīfihī, Tarīkhīhī, Majalatihī, Qawa‘idihī, Khasa’isihī)*. Dar al-Fadilah.
- al-Suyuti, J. D. (2016). *Tadrib al-Rawi fi Sharh Taqrib al-Nawawi* (M. ‘Awwamah, Ed.). Dar al-Minhaj.
- Umar, M.N. (2020). *Aliran Kritik Hadis Semasa*. Penerbit Universiti Malaya.
- al-Zafiri, K. D. (2013). *Tarjamah Mujaḥḥah li Shaykh al-‘Allamah Rabi‘ bin Hadi ‘Umayr al-Madkhali*. Laman Web Rasmi Syeikh Rabi’. <http://www.rabee.net/ar/sharticles.php?cat=10&id=55>